

# Dilema Melayu berterusan selepas 36 tahun

**T**IDAK sampai tiga tahun Tun Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan Perdana Menteri dan diganti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, seperti rumah siap pahat berbunyi, seolah-olah ada yang tidak kena sehingga Dr Mahathir memberi pandangan dan kritikan terhadap pemerintahan Pak Lah.

Terbaru dan dikira agak lantang ketika sidang akhbar di Putrajaya, kelmarin apabila Dr Mahathir mendakwa Pak Lah melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang dibuat pentadbirannya sebelum ini.

Antaranya, soal jambatan baru menggantikan Tambak Johor, kedudukan Proton, pembangunan Putrajaya, dasar kewangan dan ekonomi negara. Malah Dr Mahathir juga menuduh Pak Lah seperti menikam beliau dari belakang.

Sebagai generasi yang dibentuk oleh wasasan dan gaya kepemimpinan Mahathir selama 22 tahun pemerintahannya, ramai berasa cukup sedih dan pilu apabila membaca di akhbar masih ada lagi seperti sikap tidak puas hati Dr Mahathir terhadap Pak Lah.

Generasi muda sebenarnya produk impian Dr Mahathir kerana kami mengalami dan menjiwai wawasan beliau sejak 1981, iaitu apabila tamat zaman persekolahan dan menempuh alam pendidikan tinggi, proses pendewasaan dan mengambil sedikit erti limpahan ekonomi untuk memajukan diri dan menaikkan martabat Me-

layu dalam sektor ekonomi.

Sesungguhnya saya hampa apabila Dr Mahathir yang saya anggap seperti mentor dalam kehidupan saya, mula menunjukkan ketidakpuasan secara terbuka terhadap gaya kepemimpinan Pak Lah. Mengapakah beliau tidak menggunakan saluran bersemuka secara peribadi? Adakah agenda tersembunyi di sebalik kenyataan beliau?

Mungkinkah ada golongan yang menghasut beliau untuk mengkritik Pak Lah secara terbuka atau adakah beliau masih ingin berkuasa dalam kerajaan?

Kita tidak mahu Dr Mahathir menjadi seperti Lee Kuan Yew yang masih menjadi menteri kanan dan duduk di dalam jemaah Kabinet walaupun sudah bersara menjadi Perdana Menteri Singapura. Banyak keputusan dan proses pembangunan Singapura masih lagi di bawah pengaruh dan telunjuk Lee.

Akibatnya, rakyat Singapura menunjukkan protes mereka melalui pilihan raya umum baru-baru ini. "Walaupun PAP menang dengan selesa, jumlah undi popular jatuh teruk gara-gara golongan muda tidak menyukai Lee mencampuri ehwal politik Singapura.

Dr Mahathir perlu mengakui hakikat bahawa beliau kini menjadi rakyat biasa seperti kita semua. Walaupun negara mengamalkan kebebasan bersuara, sedarilah beliau masih mendapat tempat istimewa di kalangan seluruh rakyat biasa. Masakan

rakyat biasa boleh mengeluarkan kritikan terbuka terhadap Perdana Menteri yang disiarkan di semua media cetak di seluruh negara? Jika pada zaman beliau kenyataan ini dikeluarkan, apa agaknya akan terjadi kepada orang yang mengeluarkan kenyataan seperti ini?

Saya tidak ada hak menasihatkan seorang negarawan terbilang. Suara saya adalah suara kerdil rakyat biasa yang lebih banyak memerhati tindak tanduk pemimpin negara melalui saluran media dan pembacaan.

Pada pendapat saya, gaya kepemimpinan Pak Lah masih pada peringkat mengukuhkan kekuatan akar tunjangnya supaya tidak rebah apabila dilanda badai. Kita sebagai rakyat di sekelilingnya harus menyokong di sekeliling pokok itu supaya akar tunjang dan batang pokok dapat bertaut untuk tegak berdiri sebagai teraju yang akan memayungi kita semua apabila pokok hidup subur dan daun yang lebat meneduhkan kita.

Kritikan membina adalah juga penyumbang kepada kejayaan sesuatu kerajaan atau organisasi. Tetapi jika komen atau kritikan yang berunsur seperti mengungkit-ungkit adalah tidak baik sama sekali. Saya mengagumi Mahathir sehinggalah teks ucapan beliau bertajuk 'Melayu Mudah Lupa' di Persidangan Agung Umno 2001 masih saya simpan sehingga kini.

Buku karya beliau seperti *Dilema Me-*

*layu, Kebangkitan Semula Asia, Menghadapi Cabaran dan Jalan Ke Puncak*, menjadi koleksi perpustakaan mini saya. Bila diamati komen beliau terhadap kerajaan bermula dari krisis Proton sehinggalah ke isu Jambatan Tambak Johor, saya berasa ia seperti bertentangan dengan luahan pemikiran beliau di dalam tulisannya.

Walaupun Dr Mahathir terkenal di seluruh dunia dengan kelantangan bersuara dan kritikan pedas beliau terhadap sesuatu isu, ia amat berbeza ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

Kritikan kali ini agak istimewa dan mengundang pelbagai kontroversi kerana beliau mengkritik penggantinya kenapa tidak mengotakan janjinya untuk mengekalkan segala keputusan yang dibuat oleh kerajaan ketika beliau menjadi Perdana Menteri. Seolah-olah melaksanakan apa yang beliau (Dr Mahathir) rancangkan sebelum ini tanpa bantahan walau apa yang terjadi.

Bagi saya isu jambatan di Johor dan Proton misalnya, adalah kecil jika dibandingkan kesungguhan Pak Lah tanpa prejudis untuk menyambung dan merealisasikan impian dan wawasan utama Dr Mahathir sendiri iaitu Wawasan 2020. Pada pandangan saya isu jambatan dan Proton lebih bersifat kepentingan peribadi yang mengatasi kepentingan negara.

Pak Lah dan Kabinetnya sudah tentu membincangkan isu jambatan ini dengan sehalus-halusnya dan keputusan yang dibuat adalah keputusan kata sepakat seluruh jemaah Kabinet. Sudah tentulah ia mengambil kepentingan negara mendahului kepentingan peribadi.

Inilah bezanya kritikan Dr Mahathir sekarang daripada dulu ketika beliau menjadi Perdana Menteri. Kritikan beliau sekarang lebih menjurus kepada serangan peribadi kepada Pak Lah. Seolah-olah Mahathir mahu mengajar Pak Lah bagaimana cara menunaikan janji atau lebih tepat lagi bagaimana cara untuk memerintah negara.

Itu sebabnya saya masih membaca ucapan Dr Mahathir bertajuk *Melayu Mudah Lupa* sebagai pedoman kepada diri saya sendiri agar tidak lupa siapa saya yang sebenarnya dan asal usul saya. Tidak semestinya kita mahukan apa yang kita rancangkan mesti diikuti 100 peratus oleh pengganti kita. Secara sukarela penyerahan jawatan dilakukan, adalah tidak molekul untuk mengungkit-ungkit segala janji yang termeteri antara mereka berdua. Tidak molekul juga janji itu diceritakan kembali kepada umum apabila dituduh janji tidak ditepati.

Janganlah Dr Mahathir menganggap beliau masih lagi berkuasa dan jangan pula menganggap tanpa beliau Pak Lah tidak menjadi Perdana Menteri dan seolah-olah kenyataan beliau kelmarin semacam sudah silap perkiraan pada Dr Mahathir melantik Pak Lah. Perkara sudah berlalu dan berlaku. Apakah dengan ketidakpuasan segelintir janji yang tidak dipatuhi menyebabkan pincang segala-galanya.

Bagi saya itu satu pemikiran yang tidak profesional dan mengungkit-ungkit perkara tertentu adalah sebenarnya *Dilema Melayu* yang ditulis sendiri Dr Mahathir pada 1970 dulu.